


Panduan Pengguna

DSL-AC88U

Wi-Fi ADSL/VDSL Dwijalur
Penghala Modem



ASUS[®]
IN SEARCH OF INCREDIBLE

MY13515

Edisi Semakan versi 2

Disember 2017

Hak cipta © 2017 ASUSTeK COMPUTER INC. Hak Cipta Terpelihara.

Tiada bahagian daripada manual ini, termasuk produk dan perisian yang diterangkan di dalamnya boleh dikeluarkan semula, dipindahkan, ditranskrip, disimpan dalam sistem pengambilan, atau diterjemah ke dalam sebarang bahasa dalam sebarang bentuk atau apa-apa kaedah, kecuali dokumentasi yang disimpan oleh pembeli untuk tujuan sandaran, tanpa kebenaran tersurat bertulis ASUSTeK COMPUTER INC. ("ASUS").

Waranti atau perkhidmatan produk tidak akan dilanjutkan jika: (1) produk dibaiki, diubah suai atau diubah, melainkan pembaikan, pengubahsuaian atau perubahan itu dibenarkan secara bertulis oleh ASUS; atau (2) nombor siri produk itu rosak atau hilang.

ASUS MENYEDIAKAN MANUAL INI "SEPERTI SEBAGAIMANA ADA" TANPA SEBARANG JAMINAN DALAM SEBARANG BENTUK, SAMA ADA TERSURAT ATAU TERSIRAT, TERMASUK TETAPI TIDAK TERHAD KEPADA WARANTI YANG DIKENAKAN ATAU SYARAT KEBOLEHDAGANGAN ATAU KESESUAIAN UNTUK TUJUAN TERTENTU. ASUS, PARA PENGARAH, PEGAWAI, PEKERJA ATAU AGENNYA TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB DALAM APA-APA KEADAAN SEKALIPUN DI ATAS SEBARANG KEROSAKAN TIDAK LANGSUNG, KHUSUS, IRINGAN ATAU LANJUTAN (TERMASUK KEROSAKAN DI ATAS KERUGIAN HASIL, KERUGIAN PERNIAGAAN, KERUGIAN PENGGUNAAN ATAU DATA, GANGGUAN PERNIAGAAN DAN YANG SAMA DENGANNYA), WALAUPUN JIKA ASUS TELAH DINASIHATKAN TENTANG KEMUNGKINAN KEROSAKAN TERSEBUT YANG TIMBUL DARIPADA SEBARANG KEROSAKAN ATAU RALAT DI DALAM MANUAL ATAU PRODUK INI.

SPESIFIKASI DAN MAKLUMAT YANG TERKANDUNG DI DALAM MANUAL INI DISEDIAKAN UNTUK PEMBERITAHUAN SAHAJA DAN TERTAKLUK PADA PERUBAHAN PADA BILA-BILA MASA TANPA NOTIS DAN TIDAK BOLEH DITAFSIRKAN SEBAGAI KOMITMEN OLEH ASUS. ASUS TIDAK AKAN MENANGGUNG TANGGUNGJAWAB ATAU LIABILITI UNTUK SEBARANG RALAT ATAU KETIDAKTEPATAN YANG MUNGKIN MUNCUL DALAM MANUAL INI, TERMASUK PRODUK DAN PERISIAN YANG DIJELASKAN DI DALAMNYA.

Nama produk dan korporat yang muncul di dalam manual ini mungkin atau mungkin bukan tanda dagangan atau hak cipta berdaftar bagi syarikatnya masing-masing, dan hanya digunakan untuk pengenalpastian atau penerangan dan untuk faedah pemilik, tanpa niat untuk melanggar.

Kandungan

1	Mengenali penghala anda	5
	Kandungan pakej	5
	Ciri perkakasan	6
2	Mewujudkan rangkaian anda	9
	Meletakkan penghala anda	9
	Perkara yang anda perlukan.....	10
	Menyambungkan peranti anda.....	11
	Sebelum anda meneruskan	14
3	Konfigurasi rangkaian menggunakan GUI web	21
	Melog masuk ke GUI web.....	21
	Menyediakan keselamatan wayarles.....	23
	Menguruskan klien rangkaian anda	25
	Memantau peranti USB anda	26
	Mencipta Rangkaian Tetamu anda.....	28
	Menggunakan Pengurus Trafik.....	29
	Menguruskan Jalur Lebar QoS (Kualiti Perkhidmatan).....	29
	Memantau Trafik	30
	Menggunakan Aplikasi USB.....	31
	Menggunakan AiDisk	31
	Menggunakan Pusat Pelayan.....	34
	Menggunakan perkhidmatan Kongsi Tempat Rangkaian(Samba).....	34
	Menggunakan perkhidmatan Kongsi FTP	36
	Menggunakan tetapan Pelbagai	38
	Mengkonfigurasi tetapan lanjutan	39
	Menyediakan Pelayan DHCP	39
	Menaik taraf perisian tegar	40

Tetapan Pemulihan/Penyimpanan/Memuat Naik.....	41
Menyediakan pencetak rangkaian anda	42
4 Menatarkan perisian tegar	45
Memulihkan perisian tegar melalui mod Penyelamat	45
5 Menyelesai Masalah	47
Penyelesaian Masalah	47
Perkhidmatan DDNS ASUS	51
Lampiran	53
Notis	53
Maklumat Talian Penting Global Rangkaian	67
Maklumat untuk menghubungi ASUS.....	70

1 Mengenali penghala anda


Kandungan pakej

- ☑ Penghala Modem WiFi ADSL/ VDSL
- ☑ Kabel rangkaian
- ☑ Adapter AC
- ☑ Kabel telefon
- ☑ Panduan Mula Pantas
- ☑ Kad waranti
- ☑ CD Sokongan (Manual Pengguna/utiliti)
- ☑ Pemisah (berbeza mengikut rantau)



-
- Jika mana-mana daripada item ini rosak atau tiada, hubungi ASUS untuk membuat pertanyaan teknikal dan sokongan Rujuk kepada senarai Talian Penting Sokongan ASUS di bahagian belakang manual pengguna ini.
 - Simpan bahan pembungkusan yang asal sekiranya anda inginkan perkhidmatan waranti pada masa hadapan seperti pembaikan atau penggantian.
-

Ciri perkakasan



LED Kuasa

Mati: Tiada kuasa.

1 **Hidup:** Peranti sudah sedia.

Berkelip perlahan: Mod Penyelamat.

Berkelip pantas: WPS sedang diproses.

LED 5GHz

Mati: Tiada isyarat 5GHz.

2 **Hidup:** Sistem wayarles sudah sedia.

Berkelip: Menghantar atau menerima data melalui sambungan wayarles.

LED 2.4GHz

Mati: Tiada isyarat 2.4GHz .

3 **Hidup:** Sistem wayarles sudah sedia.

Berkelip: Menghantar atau menerima data melalui sambungan wayarles.

LED Internet

4 **Merah:** Tiada kuasa atau sambungan Internet.

Hidup: Sambungan kepada Rangkaian Kawasan Luas (WAN).

LED DSL

5 **Mati:** Tiada sambungan DSL.

Hidup: Sambungan ke DSL.

6 LED E-WAN

Mati: Tiada sambungan Ethernet.

Hidup: Sambungan kepada Ethernet.

7 LED LAN

Mati: Tiada kuasa atau sambungan fizikal.

Hidup: Mempunyai sambungan fizikal kepada rangkaian kawasan setempat (LAN).

8 LED USB

Mati: Tiada kuasa atau tiada sambungan fizikal dengan peranti USB.

Hidup: Mempunyai sambungan fizikal kepada peranti USB.

Port USB 3.0

9 Masukkan peranti USB 3.0 / 2.0 seperti cakera keras atau pemacu kila USB ke dalam port ini.

Masukkan kabel USB iPad anda ke dalam port untuk mengecap iPad anda.

10 Butang LED

Butang ini menghidupkan/mematikan penunjuk LED.

11 Butang Wi-Fi


Butang mendayakan atau menyahdayakan Wi-Fi.

Spesifikasi penyesuai kuasa:

Adapter Kuasa DC	Output DC +19V dengan arus maksimum 1.75A;		
Suhu Pengendalian	0~40°C	Suhu Storan	0~70°C
Kelembapan Operasi	50~90%	Kelembapan Storan	20~90%



Hanya guna adapter yang disertakan bersama pakej anda. Menggunakan adapter lain boleh merosakkan peranti.




-
- 12 Butang tetap semula**
Butang ini menetapkan semula atau menyimpan sistem ke tetapan lalai kilang.
-
- 13 Butang WPS**
Butang ini melancarkan Wizard WPS.
-
- 14 Port DSL**
Sambung ke pemisah atau salur keluar telefon melalui kabel RJ-11.
-
- 15 Port LAN 1~ 4**
Sambung kabel rangkaian ke dalam port ini untuk membentuk sambungan LAN.
-
- 16 Port WAN**
Sambung kabel rangkaian ke dalam port ini untuk mewujudkan sambungan WAN.
-
- 17 Port USB 2.0**
Masukkan peranti USB 2.0 seperti cakera keras atau pemacu kila USB ke dalam port ini.
-
- 18 Port Kuasa (DC-IN)**
Masukkan adapter AC yang diletakkan bersama ke dalam port ini dan sambung penghala anda ke sumber kuasa.
-
- 19 Butang kuasa**
Tekan butang ini menghidupkan atau mematikan sistem.
-

2 Mewujudkan rangkaian anda

Meletakkan penghala anda

Untuk mendapatkan prestasi rangkaian wayarles terbaik daripada penghala wayarles anda, ikut pengesyoran di bawah:

- Letak penghala wayarles di pusat rangkaian anda untuk liputan wayarles maksimum.
- Pastikan peranti berada jauh dari sekatan logam dan jauh dari cahaya matahari langsung.
- Pastikan peranti berada jauh dari peranti Wi-Fi 802.11g atau 20MHz sahaja, persisian komputer 2.4GHz, peranti Bluetooth, telefon tanpa kord, pengubah, motor tugas berat, lampu pendarfluor, ketuhar gelombang mikro, peti sejuk, dan peralatan industri lain untuk menghalang gangguan atau kehilangan isyarat.



Perkara yang anda perlukan

Untuk menyediakan rangkaian anda, anda memerlukan satu atau dua komputer yang memenuhi keperluan sistem yang berikut:

- Port Ethernet RJ-45 (LAN)(10Base-T/100Base-TX/1000Base-T)
- Keupayaan wayarles IEEE 802.11a/b/g/n/ac
- Perkhidmatan TCP/IP yang terpasang
- Penyemak imbas Web seperti Microsoft Internet Explorer, Mozilla Firefox, Apple Safari, atau Google Chrome




-
- Jika komputer tidak mempunyai keupayaan wayarles terbina dalam, pasang penyusai IEEE 802.11a/b/g/n/ac WLAN pada komputer anda untuk menyambung kepada rangkaian.
 - Dengan teknologi dwi jalur, penghala wayarles anda menyokong isyarat wayarles 2.4GHz dan 5 GHz secara serentak. Ini membenarkan anda untuk melakukan aktiviti berkaitan Internet seperti melayari Interet atau membaca/ menulis mesej e-mel menggunakan jalur 2.4GHz sementara secara serentak strim fail audio/video berdefinisi tinggi seperti filam atau muzik menggunakan jalur 5GHz.
 - Jika anda hanya menggunakan satu komputer dengan penyusai WLAN jalur tunggal IEEE 802.11a/ b/g/n/ac, anda akan hanya dapat menggunakan jalur 2.4GHz.
 - Jika anda hanya menggunakan satu komputer dengan penyusai WLAN jalur dual IEEE 802.11a/ b/g/n/ac, anda akan dapat menggunakan jalur 2.4GHz atau 5GHz.
 - Jika anda menggunakan dua komputer dengan kedua-dua penyusai WLAN IEEE 802.11a/b/g/n/ac, anda dapat menggunakan jalur 2.4GHz dan 5GHz secara serentak
 - Kabel Ethernet RJ-45 yang digunakan untuk menyambungkan peranti rangkaian tidak boleh melebihi 100 meter.
-

Menyambungkan peranti anda



-
- Gunakan sambungan berwayar semasa menyediakan penghala wayarles anda untuk mengelakkan isu penyediaan wayarles yang mungkin berlaku.
 - Sebelum menyediakan penghala wayarles ASUS anda, lakukan yang berikut:
 - Jika anda sedang menggantikan xDSL penghala yang sedia ada, tanggalkannya daripada rangkaian anda.
 - Putuskan sambungan kabel/wayar dari modem yang sedia ada. Jika modem anda mempunyai bateri sandaran, keluarkannya sekali.
 - But semula komputer anda (dicadangkan).
-


Sambungan berwayar



Untuk menyediakan penghala ADSL/VDSL anda menggunakan sambungan berwayar:

1. Masukkan penyambung talian pemisah ke alur keluar telefon dan menyambungkan telefon anda ke dalam port telefon.
2. Menggunakan kabel telefon kelompok, sambungkan port DSL DSL-AC88U ke port DSL pemisah.
3. Sambungkan kabel rangkaian kelompok, sambungkan komputer anda ke port LAN penghala modem ADSL/VDSL.

Sambungan wayarles



Untuk menyediakan penghala modem ADSL/VDSL anda melalui sambungan berwayar:

1. Masukkan penyesuai kuasa penghala modem anda ke port DC-IN dan palamkannya ke salur keluar kuasa.
2. Menggunakan kabel telefon kelompok, sambungkan port DSL DSL-AC88U ke port DSL pemisah.
3. Pasang penyesuai IEEE 802.11a/b/g/n/ac WLAN pada komputer anda.

Sebelum anda meneruskan



Sebelum mengkonfigurasi penghalang wayarles anda, gunakan langkah yang diterangkan dalam seksyen ini ke setiap komputer pada rangkaian untuk mengelakkan masalah menyambungkan kepada rangkaian wayarles.


A. Nyahdayakan sebarang pelayan proksi yang dikonfigurasi.

Windows® 7 / 8*




Tangkapan skrin disediakan untuk Windows® 7 sahaja. Langkah dan pilihan mungkin berbeza untuk Windows® 8 dan Windows® 8.1.

1. Klik **Start (Mula)** > **Internet Explorer** untuk melancarkan penyemak imbas.
2. Klik **Tools (Alatan)** > **Internet options (Pilihan Internet)** > **Connections (tab Sambungan)** > **LAN settings (Tetapan LAN)**.





3. Dari tetingkap Local Area Network (LAN) Settings, buang tanda **Use a proxy server for your LAN**.
4. Klik **OK** kemudian Klik **Apply (Guna)**.



MAC OSX

1. Dari penyemak imbas Apple Safari anda, klik **Safari > Preferences (Keutamaan) > Advanced (Lanjutan) > Pada item Proxies (Proksi) , klik Change Settings (Tukar Tetapan)...**
2. Dari skrin Network (Rangkaian) , buang tanda **FTP Proxy (FTP Proksi) dan Web Proxy (HTTP) (Proksi Web)**.
3. Klik **OK** setelah selesai.




B. Menetapkan tetapan TCP/IP untuk dapatkan alamat IP secara automatik.

Windows® 7 / 8




Tangkapan skrin disediakan untuk Windows® 7 sahaja. Langkah dan pilihan mungkin berbeza untuk Windows® 8 dan Windows® 8.1.


1. Klik **Start (Mula) > Control Panel (Panel Kawalan) > Network and Internet (Rangkaian dan Internet) > Network and Sharing Center (Rangkaian dan Pusat Perkongsian) > Change adapter settings (Tukar tetapan penyesuai).**




2. Pada tettingkap Sambungan Rangkaian, klik pada **Local Area Connection (Sambungan Kawasan Tempatan).**




3. Pada tettingkap Status Rangkaian Sambungan Kawasan tempatan, klik **Properties (Sifat).**



4. Pilih **Internet Protocol Version 4 (TCP/IPv4)** atau **Internet Protocol Version 6 (TCP/IPv6)**, kemudian klik **Properties (Ciri-ciri)**.




5. Tandakan **Obtain an IP address automatically (Dapatkan alamat IP secara otomatis)**.
6. Klik **OK** setelah selesai.



MAC OSX


1. Klik **Apple Menu (Menu Apple)**>**System Preferences (Keutamaan Sistem)** > **Network (Rangkaian).**



2. Klik **Ethernet (Ethernet)** pada panel kiri.


3. Pada Configure IPv4, item dipilih **Using DHCP (Menggunakan DHCP).**

4. Klik **Apply (Guna).**



Menyediakan penghalang ADSL/VDSL anda


1. Pastikan LED DSL pada panel depan DSL-AC88U dihidupkan dan tidak berkelip.



2. Lancarkan pelayar web anda. Halaman web QIS muncul secara automatik dan mula mengesan jenis sambungan anda, nilai VPI/VCI dan mod pengkapsulan.



Jik halaman web QIS tidak muncul selepas anda melancarkan pelayar web anda, nyahdayakan tetapan proksi pada pelayan web anda.



3 Konfigurasi rangkaian menggunakan GUI web

Melog masuk ke GUI web

Penghala Wayarles ASUS anda menggunakan antara muka pengguna berasaskan web yang membolehkan anda untuk mengkonfigurasi penghala menggunakan sebarang pelayar web seperti Internet Explorer, Mozilla Firefox, Apple Safari, atau Google Chrome.

Untuk log masuk ke GUI web:

1. Di penyemak imbas web anda, masukkan alamat IP lalai penghala wayarles secara manual: **http://router.asus.com**
2. Pada halaman log masuk, masukkan nama pengguna lalai (**admin**) dan kata laluan (**admin**).



3. GUI penghalang wayarles menyediakan akses kepada pelbagai tetapan konfigurasi.



Menyediakan keselamatan wayarles

Untuk melindungi rangkaian wayarles anda daripada akses yang tidak dibenarkan, anda perlu mengkonfigurasi tetapan keselamatan penghala anda.

Untuk menyediakan tetapan keselamatan wayarles:

1. Masukkan <http://router.asus.com> pada penyemak imbas web.
2. Pada skrin log masuk, masukkan nama pengguna lalai (**admin (pentadbir)**) dan kata laluan (**admin (pentadbir)**), kemudian klik **OK**. GUI web penghala wayarles melancarkan GUI.
3. Pada skrin Peta Rangkaian dan di bawah **System status (Status sistem)**, anda boleh mengkonfigurasi tetapan keselamatan wayarles seperti SSID, tahap keselamatan, dan tetapan penyulitan.



Anda boleh menyediakan beberapa tetapan keselamatan wayarles untuk jalur 2.4GHz dan 5GHz.

System Status

2.4GHz 5GHz

Wireless name(SSID)
ASUS

Authentication Method
Open System

Apply

LAN IP
192.168.1.1

PIN code
12345670

LAN MAC address
00:90:4C:0F:F0:00

Wireless 2.4GHz MAC address
00:90:4C:0F:F0:00

4. Pada medan **Wireless name (Nama wayarles) (SSID)**, masukkan nama unik bagi rangkaian wayarles anda.
5. Daripada senarai jatuh bawah **Authentication Method (Kaedah Pengesahan)**, pilih kaedah pengesahan untuk rangkaian wayarles anda.
6. Masukkan anda (kunci laluan keselamatan).
7. Klik **Apply (Guna)**.

Menguruskan klien rangkaian anda

Untuk menguruskan klien rangkaian anda:

1. Lancarkan GUI web penghala wayarles.
2. Pada skrin Peta Rangkaian, pilih ikon **Client (Klien)** untuk memaparkan maklumat rangkaian klien anda.



Memantau peranti USB anda

Penghala Wayarles ASUS menyediakan satu port USB 3.0 untuk menyambungkan peranti USB seperti peranti storan USB dan pencetak USB.




- Untuk menggunakan ciri ini, anda memerlukan peranti storan USB, seperti cakera keras USB atau pemacu kilat USB, ke port USB 3.0 pada panel belakang penghala wayarles anda. Pastikan peranti storan USB diformat dan dibahagikan dengan betul.
- Rujuk Senarai Sokongan Cakera Plug-n-Share di <http://event.asus.com/networks/disksupport>




Anda perlu membuat akaun pengguna untuk membolehkan klien rangkaian lain untuk mengakses peranti USB. Untuk butiran lanjut, rujuk bahagian **Using AiDisk for sharing files (Menggunakan AiDisk untuk berkongsi fail)** dalam manual pengguna ini.

Untuk memantau peranti USB anda:

1. Lancarkan GUI web penghala wayarles.
2. Pada skrin Peta Rangkaian, pilih ikon **USB Disk Status (Status Cakera USB)** untuk memaparkan maklumat peranti USB anda.



3. Pada medan Wizard AiDisk, klik **GO (Pergi)** untuk menyediakan pelayan FTP untuk perkongsian fail Internet.




- Untuk mendapatkan butiran tentang menyediakan AiDisk, rujuk bahagian **Using the Network Place (Samba) Share service (Menggunakan perkhidmatan Kongsi (Samba) Tempat Rangkaian)** dan **Using the FTP Share service (Menggunakan perkhidmatan FTP Share)** dalam manual pengguna ini.
- Penghala wayarles berfungsi dengan kebanyakan USB HDD/ Cakera kilat (sehingga saiz 2TB) dan menyokong akses baca-tulis untuk FAT16, FAT32, EXT2, EXT3, dan NTFS.
- Untuk mengeluarkan cakera USB dengan selamat, lancarkan GUI web ([http:// router.asus.com](http://router.asus.com)), kemudian dalam halaman **Network Map (Peta Rangkaian)**, klik ikon USB > Lecitkan **USB disk (cakera USB)**.
- Pengeluaran tidak betul cakera USB boleh menyebabkan kerosakan data.

Mencipta Rangkaian Tetamu anda


Menyediakan Rangkaian Tetamu menyediakan kesambungan Internet wayarles untuk pelawat sementara sambil menghadkan akses kepada rangkaian peribadi anda.

Mencipta rangkaian tetamu anda:

1. Klik **Guest Network (Rangkaian Tetamu)** pada panel navigasi kiri.
2. Klik **Enable (Dayakan)**.
3. Untuk mengkonfigurasi pilihan tambahan, klik mana-mana item yang disenaraikan.



4. Untuk nama wayarles untuk rangkaian sementara anda pada medan Network Name (Nama Rangkaian) (**SSID**).
5. Pilih **Authentication Method (Kaedah Pengesahan)**.
6. Pilih kaedah **WEP Encryption (Penyulitan WEP)**.
7. Nyatakan **Access time (Masa akses)** atau klik **Limitless (Tanpa had)**.
8. Pilih **Disable (Nyahdayakan)** atau **Enable (Dayakan)** pada item **Access Intranet (Akses Intranet)**.
9. Apabila selesai, klik **Apply (Guna)**.



Menggunakan Pengurus Trafik

Menguruskan Jalur Lebar QoS (Kualiti Perkhidmatan)

Ciri **Quality of Service (Perkhidmatan Kualiti)** membolehkan anda untuk menetapkan keutamaan jalur lebar dan menguruskan trafik rangkaian.

Untu menyediakan QoS:

1. Klik **Traffic Manager (Pengurus Trafik)** pada panel navigasi kiri dan klik tab QoS.
2. Klik **ON (HIDUP)** untuk mendayakan QoS.
3. Isi medan lebar jalur muat naik dan muat turun.



Maklumat jalur lebar anda tersedia dari ISP anda.

4. Klik **Save (Simpan)**.
5. Jika anda mahu mengutamakan aplikasi rangkaian khusus dan perkhidmatan rangkaian, klik **User-defined Priority (Keutamaan Tetapan Pengguna)** pada penjuror atas sebelah kanan.


The screenshot shows the 'Traffic Manager - QoS' configuration page. The QoS toggle is currently set to 'OFF'. Below it, there is a 'User Specify Rule List' table with the following data:

Service Name	Source IP or MAC	Destination Port	Protocol	Transferred	Priority
web Surf		80	tcp	0-512	Highest
HTTPS		443	tcp	0-512	Highest
File Transfer		80	tcp	512~	Low
File Transfer		443	tcp	512~	Low

6. Laraskan nilai-nilai sebagai diperlukan. Klik **Apply (Guna)**.


Memantau Trafik

Klik tab **Traffic Monitor (Monitor Trafik)** untuk melihat aktiviti rangkaian Internet, sambungan Berwayar, dan Wayarles selama 24 jam, setiap hari atau dalam masa nyata



Menggunakan Aplikasi USB

Fungsi Aplikasi USB menyediakan submenu **AiDisk**, **Servers Center** (**Pusat Pelayan**) dan **Network Printer Server** (**Pelayan Pencetak Rangkaian**).



Menggunakan AiDisk

AiDisk membolehkan anda menggunakan fail yang disimpan pada peranti USB yang disambungkan melalui Internet.




Sebelum menggunakan AiDisk, sambungkan peranti storan USB, seperti cakera keras USB atau pemacu kilat USB, ke port USB 3.0 pada panel belakang penghala wayarles anda. Peranti storan USB hendaklah diformat dan dipetakkan dengan betul. Rujuk **Plug-n-Share Disk Support List (Senarai Sokongan Cakera Palam dan Kongsy)** untuk memformat cakera, saiz fail dan pemetakan di <http://event.asus.com/networks/disksupport>




Untuk mengelakkan kehilangan data atau kerosakan pada peranti storan USB, sentiasa ikut langkah-langkah ini untuk mengeluarkan peranti USB anda dengan selamat.

Untuk menggunakan AiDisk:


1. Klik **USB application (aplikasi USB)** pada panel navigasi kiri dan klik **Aidisk icon (ikon AiDisk)**.
2. Daripada **Welcome to AiDisk wizard (skrin wizard Selamat Datang AiDisk)**, klik **Go (Pergi)**.



3. Berikan hak akses kepada peranti storan USB. **Select limitless access rights, limited access rights, and admin rights (Pilih hak akses tanpa had, hak akses terhad)** untuk menentukan keutamaan hak baca kepada fail yang disimpan dalam peranti storan USB. Klik **Next (Seterusnya)**



4. Untuk menyediakan nama domain anda melalui perkhidmatan ASUS DDNS, pilih **I will use the service and accept Terms of service (Saya akan menggunakan perkhidmatan dan menerima Terma perkhidmatan)** dan masukkan nama domain yang anda suka. Nama domain anda akan mengikut format **xxx.asuscomm.com**, apabila xxx adalah nama hos anda.
5. Klik **Next (Seterusnya)**.



6. Klik **Finish (Selesai)**.
7. Untuk mengakses peranti storan USB melalui FTP dari klien pada rangkaian, lancarkan penyemak imbas web atau utiliti klien FTP pihak ketiga dan masukkan pautan ftp (**ftp://<domain name>**) yang anda telah cipta sebelum ini.

Menggunakan Pusat Pelayan


Pusat Pelayan menyediakan tetapan untuk Samba dan FTP Shares.


Menggunakan perkhidmatan Kongsi Tempat Rangkaian(Samba)

Ciri Kongsi (Samba) Tempat Rangkaian membolehkan klien Mac OSX, Windows, dan untuk mengakses fail pada peranti storan USB.


Untuk menggunakan kongsi Samba:

1. Klik **USB application (aplikasi USB)** pada panel navigasi sebelah kiri dan klik ikon Servers Center (Pusat Pelayan).
2. Klik tab **Network place (Samba) Share (Kongsi (Samba) Tempat Rangkaian)**.
3. Klik **Share with account (Dengan akaun)**.




4. Klik butang **Add (Tambah)**  untuk membuat akaun pengguna untuk pengguna yang akan mengakses peranti storan USB melalui Samba.


5. Berikan nama untuk akaun pengguna dan masukkan kata laluan. Klik **Add (Tambah)**.



The image shows a dialog box titled "Add new account". It contains the following text and fields:

- Text: "New account has no read/write access rights."
- Text: "Account:" followed by a text input field.
- Text: "Password:" followed by a text input field.
- Text: "Retype password:" followed by a text input field.
- Button: "Add"

6. Gunakan butang **Modify (Ubah Suai)** dan **Delete (Padam)**  untuk menukar kata laluan atau menanggalkan akaun pengguna.
7. Pilih pengguna dan berikan jenis hak akses untuk fail atau folder yang terletak dalam peranti storan:
- **R/W:** Pilih pilihan ini untuk menugaskan akses baca/tulis folder khusus.
 - **R:** Pilih pilihan ini untuk menugaskan akses baca sahaja untuk fail/khusus.
 - **Tidak:** Pilih pilihan ini jika anda tidak mahu berkongsi folder fail khusus.




8. Klik **Apply (Guna)**.


Menggunakan perkhidmatan Kongsi FTP


Penghala wayarles ASUS anda boleh menyediakan peranti storan USB yang disambungkan sebagai pelayan FTP.

Untuk menyediakan perkhidmatan FTP Share:

1. Konfigurasi perkhidmatan fail menggunakan langkah dalam **Using AiDisk for File Sharing (Menggunakan AiDisk untuk Perkhidmatan Fail)**.
2. Klik **USB application (aplikasi USB)** pada panel navigasi sebelah kiri dan klik ikon **Servers Center (Pusat Pelayan)**.
3. Klik tab **FTP Share (FTP Share)**.
4. Klik **Enable FTP (Dayakan FTP)**.
5. Klik **Share with account (Dengan akaun)**.




6. Klik butang **Add (Tambah)**  untuk membuat akaun pengguna yang akan mengakses peranti storan USB melalui Pelayan FTP
7. Berikan nama untuk akaun pengguna dan masukkan kata laluan. Klik **Add (Tambah)**.



8. Pilih jenis hak akses untuk peranti storan:

- **R/W:** Pilih untuk menugaskan akses baca/tulis folder khusus.
- **W:** Pilih untuk menugaskan akses tulis sahaja folder khusus.
- **R:** Pilih pilihan ini untuk menugaskan akses baca sahaja untuk fail/khusus.
- **Tidak:** Pilih pilihan ini jika anda tidak mahu berkongsi folder fail khusus.



9. Klik **Apply (Guna)**.


10. Untuk mengakses pelayan FTP dari klien pada rangkaian, masukkan **ftp://<hostname>.asuscomm.com** pada penyemak imbas web atau utiliti FTP pihak ketiga. Setelah digesa, masukkan nama pengguna dan kat laluan akaun yang anda tetapkan dalam Langkah 7..

Menggunakan tetapan Pelbagai

Halaman tetapan Pelbagai menggunakan anda untuk mengkonfigurasi sifat tambahan dari cakera USB. Anda boleh menukar bilangan maksimum pengguna yang boleh mengakses peranti storan USB, berikan nama peranti dan kumpulan kerja, atau nyatakan tetapan bahasa untuk pelayan FTP.

Untuk mengkonfigurasi tetapan peranti USB:

1. Klik **USB application (aplikasi USB)** pada panel navigasi sebelah kiri dan klik **Servers Center (Pusat Pelayan)**.
2. Klik tab **Miscellaneous setting (tetapan Pelbagai)**.
3. Nyatakan atau tukar tetapan konfigurasi sebagai diperlukan.
4. Klik **Apply (Guna)**.




Mengkonfigurasi tetap lanjutan

Menyediakan Pelayan DHCP

Penghala wayarles anda menggunakan DHCP untuk menguntukkan alamat IP secara automaik pada rangkaian anda. Anda boleh menyatakan julat alamat IP dan masa pajakan untuk kelian pada rangkaian anda.

Untuk mengkonfigurasi pelayan DHCP:

1. Klik **LAN** pada panel navigasi kiri.
2. Klik tab **DHCP Pelayan (Pelayan DHCP)**.
3. Dalam medan **Enable the DHCP Server (Dayakan Pelayan DHCP)**, tandakan **Yes (Ya)**.
4. Dalam medan **IP Pool Starting Address (Alamat Permulaan Kumpulan IP)**, masukkan alamat IP permulaan.
5. Dalam medan **IP Pool Ending Address (Alamat Akhir Kumpulan IP)**, masukkan alamat IP akhir.
6. Dalam medan **Lease Time (Masa Pajakan)**, nyatakan dalam saat bila alamat IP yang diuntukkan akan tamat tempoh. Sebaik sahaja ia mencapai had masa ini, pelayan DHCP kemudiannya akan menguntukkan alamat IP yang baru.



- ASUS menyarankan agar anda menggunakan format alamat IP 192.168.1.xxx (di mana xxx boleh jadi sebarang nombor antara 2 dan 254) apabila menyatakan julat alamat IP.
- IP Pool Starting Address (Alamat Permulaan Kumpulan IP) tidak boleh melebihi Alamat Akhir Kumpulan IP).


Menaik taraf perisian tegar



Muat turun perisian tegar terkini dari laman web ASUS di <http://support.asus.com>

Untuk menatarkan perisian tegar:

1. Klik **Administration (Pentadbiran)** pada panel navigasi kiri.
2. Klik tab **Firmware Upgrade (Naik Taraf Perisian Tegar)**.
3. Dalam item **New Firmware File (Fail Perisian Tegar baru)**, klik **Choose File (Pilih Fail)**. Navigasi ke fail perisian yang dimuat turun.
4. Klik **Upload (Muat naik)**.




Jika proses penataran gagal, xDSL penghala wayarles secara automatik memasuki mod menyelamatkan dan penunjuk kuasa LED di panel depan mula berkelip-kelip secara perlahan. Untuk mendapatkan semula atau memulihkan sistem, gunakan utiliti Firmware Restoration (Pemulihan Perisian Tegar).

Tetapan Pemulihan/Penyimpanan/Memuat Naik

Untuk memulihkan/menyimpan/memuat naik tetapan penghala wayarles:

1. Klik **Administration (Pentadbiran)** pada panel navigasi kiri.
2. Klik tab **Restore/Save/Upload Setting (Tetapan Pemulihan/Simpan/Muat Naik)**.



3. Pilih tugas yang anda ingin lakukan:
 - Untuk memulihkan tetapan kilang lalai, klik **Restore (Pulihkan)**, dan klik **OK** setelah digesa.
 - Untuk menyimpan tetapan sistem semasa, klik **Save (Simpan)**, navigasi ke folder di mana anda berhasrat untuk menyimpan fail dan klik **Save (Simpan)**.
 - Untuk memulihkan fail tetapan sistem yang disimpan, klik **Browse (Semak Imbas)** untuk mencari fail anda, kemudian klik **Upload (Muat naik)**.

Menyediakan pencetak rangkaian anda


Gunakan utiliti Persediaan Pencetak Rangkaian untuk menyediakan pencetak USB pada penghala wayarles anda dan berkongsi pencetak dengan peranti lain pada rangkaian.



- Untuk memeriksa sama ada pencetak USB adalah serasi dengan penghala wayarles ASUS anda, rujuk Senarai Sokongan Cereka Palam dan Kongsi di <http://event.asus.com/networks/printersupport>
- Fungsi pelayan pencetak penghala wayarles tidak disokong pada Windows® 2000.

Untuk menyediakan Pencetak USB:

1. Klik **USB application (aplikasi USB)** pada panel navigasi kiri, kemudian klik **Network Printer Server (Pelayan Pencetak Rangkaian)**.
2. Klik **Download Now! (Muat Turun Sekarang!)** dalam mod perkongsian pencetak ASUS EZ untuk memuat turun utiliti pencetak rangkaian.




3. Nyahzip fail yang dimuat turun dan klik ikon Pencetak untuk menjalankan program penyediaan rangkaian pencetak.




Printer.exe
ASUS Wireless Router Utility
ASUSTek COMPUTER INC.

4. Ikuti arahan pada skrin untuk menyediakan perkakas anda, kemudian klik **Next (Seterusnya)**.




5. Tunggu beberapa minit untuk penyediaan pemulaan selesai. Klik **Next (Seterusnya)**.




6. Klik **Finish (Selesai)** untuk melengkapkan pemasangan.



7. Ikuti arahan OS Windows® untuk memasang pemacu pencetak.



8. Selepas pemasangan pemacu pencetak selesai, klien rangkaian boleh menggunakan pencetak.



4 Menatarkan perisian tegar



Muat turun perisian tegar terkini dari laman web ASUS di <http://www.asus.com>

System	Firmware Upgrade	Restore/Save/Upload Setting	DSL Setting	Feedback
Administration - Firmware Upgrade				
Note:				
1. The latest firmware version include updates on the previous version.				
2. For a configuration parameter existing both in the old and new firmware, its setting will be kept during the upgrade process.				
3. In case the upgrade process fails, DSL-AC88U enters the emergency mode automatically. The LED signals at the front of DSL-AC88U will indicate such a situation. Use the Firmware Restoration utility on the CD to do system recovery.				
Get the latest firmware version from ASUS Support site at http://www.asus.com/support/				
Product ID	DSL-AC88U			
DSL Driver Version	A2pvtb4043g.d26p			
Firmware Version	v1.10.03 build398 Jul. 17, 2017			Check
New Firmware File	Choose File No file chosen			
Upload				

Untuk menatarkan perisian tegar:

1. Daripada panel navigasi, pergi ke tab **Advanced Settings (Tetapan Lanjutan) > Administration (Pentadbiran) > Firmware Upgrade (Naik Taraf Perisian Tegar)**.
2. Dalam item **New Firmware File (Fail Perisian Tegar baru)**, klik **Choose File (Pilih Fail)**. Navigasi ke fail perisian tegar yang dimuat turun.
3. Klik **Upload (Muat naik)**.




- Apabila proses naik taraf selesai, tunggu seketika untuk sistem but semula.
- Jika proses naik taraf gagal, ikuti proses mod Penyelamat. Untuk butiran lanjut, rujuk **Restoring the firmware via the Rescue mode (Memulihkan perisian tegar melalui mod Penyelamat)**.

Memulihkan perisian tegar melalui mod Penyelamat

Jika naik taraf perisian tegar gagal, lakukan proses mod Penyelamat. Sila ikuti langkah-langkah ini:

1. Pastikan bahawa komputer anda mempunyai alamat IP statik seperti 192.168.1.xx (xx boleh jadi apa-apa nombor antara 2 dan 254).
2. Matikan DSL-AC88U anda. Tahan butang Tetapkan Semula, kemudian hidupkan kuasa peranti anda selama lima saat. Apabila LED kuasa berkelip, lepaskan butang Tetapkan Semula.
3. Pada pelayar web anda, masukkan **http://192.168.1.1**. Antara muka di bawah muncul.




4. Dari antara muka, klik **Choose File(Pilih Fail)** dan layari fail perisian segar anda.



Anda boleh memuat turun fail perisian segar terkini daripada laman Sokongan ASUS di **http://www.asus.com/support**

5. Klik **Update Software (Kemas Kini Perisian)**. Proses tersebut mengambil masa lebih kurang dua minit untuk lengkap.
6. Selepas proses tersebut lengkap, halaman log masuk muncul. Jika ia tidak muncul, masukkan **http://192.168.1.1** pada pelayar web anda.



5 Menyelesai Masalah



Jika anda menghadapi masalah yang tidak disebut dalam bab ini, hubungi Sokongan Teknikal ASUS.

Penyelesaian Masalah

Saya tidak dapat mengakses GUI penghala untuk mengkonfigurasi penghala.

- Padamkan kuki dan fail sementara dalam penyemak imbas web anda. Untuk melakukan ini dalam Internet Explorer 8:
 1. Lancarkan penyemak imbas web anda, kemudian klik **Tools (Alatan) > Internet Options (Pilihan Internet)**.
 2. Pada tab General (Umum), klik **Delete (Padam)** di bawah sejarah Menyemak Imbas.
 3. Tandakan **Temporary Internet Files (Fail Internet Sementara)** dan Kuki. Klik **Delete (Padam)**.



Arahan untuk memadam kuki dan fail berbeza mengikut penyemak imbas web.

- Nyahdayakan tetapan pelayan proksi, keluarkan sebarang sambungan dail naik, dan tetapkan tetapan TCP/IP untuk menetapkan alamat IP secara automatik. Untuk mendapatkan butiran lanjut, Untuk butiran lanjut, rujuk **Before you proceed (Sebelum anda meneruskan)** manual pengguna ini.

Klien tidak dapat mewujudkan sambungan wayarles dengan penghala.

Di Luar Jarak Lingkungan:

- Letakkan penghala sebih dekat dengan klien wayarles.
- Tukar tetapan saluran.

Pengesahan:

- Gunakan sambungan berwayar untuk menyambung ke penghala.
- Periksa tetapan keselamatan wayales.
- Tekan butang Tetap Semula di belakang panel selama lebih daripada lima saat.

Tidak dapat mencari penghala:

- Tekan butang Tetap Semula di belakang panel selama lebih daripada lima saat.
- Periksa tetapan dalam penyusui wayarles seperti kaedah SSID dan penyulitan.

Tidak dapat mengakses Internet melalui penyusui wayarles LAN.

- Letakkan penghala berdekatan dengan klien wayarles.
- Periksa sama ada penyusui wayarles disambungkan ke penghala wayarles yang betul.
- Periksa sama ada saluran wayarles yang digunakan selaras dengan saluran tersedia di negara/kawasan anda.
- Periksa tetapan penyulitan.
- Periksa sama ada sambungan ADSL atau VDSL betul.
- Gunakan kabel Ethernet yang lain.

Internet tidak dapat diakses.

- Periksa penunjuk status pada modem VDSL/ADSL dan penghala wayarles.
- Periksa sama ada LED WAN pada penghala wayarles dihidupkan. Jika LED dimatikan, tukar kabel Ethernet dan cuba sekali lagi.

Lampu DSL DIHIDUPKAN (stabil dan tidak berkelip) dan bermakna akses Internet dapat dilakukan, tetapi saya masih tidak dapat menyemak imbas Internet.

- Mulakan semula komputer anda.
- Periksa sama ada LED WAN pada penghalang wayarles dihidupkan.
- Periksa tetapan penyulitan wayarles.
